

05/05/2002

Seorang timbalan harus cermat

Kenapa begitu 'gila' mahu jadi PM?

SAYA telah berkhidmat dengan semua empat perdana menteri - yang terdekat dan mempunyai matlamat yang sama ialah Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tunku Abdul Rahman Putra memang baik orangnya, tetapi pendekatan, cara pelaksanaan dan tekanan atas dasar kami berbeza. Tun Hussein Onn pula baik dengan saya sewaktu dia menjadi peguam, Menteri Pelajaran (kini Pendidikan), dan juga Timbalan Perdana Menteri. Dia bertukar wajah apabila menjadi PM: Disebabkan adanya hasutan daripada dua menterinya 'Ghulam' dan 'Tompel'.

Dalam sistem demokrasi berparlimen yang kita amal, apabila ada sesuatu yang salah atau meletup, Perdana Menteri lazimnya akan dikecam, mungkin itulah sebab rakyat memilih dan membiayainya.

Kenapa beberapa pemimpin Umno sesetengahnya tidak realis dan hanya mimpi sehingga begitu taksud untuk tinggal di Seri Perdana di Putrajaya?

Kalau tidak silap, lebih setengah dozen saya ke Seri Perdana. Saya langsung tidak cemburu dengan Dr Mahathir dan keluarganya seperti madah Harry Truman (Presiden Amerika Syarikat ke-33 pada 1945-53): "Rumah Putih (White House) adalah penjara termewah dan terbaik di dunia". Jadi, tidak keterlaluan jika saya sifatkan Seri Perdana juga bagi penjara teristimewa di negara kita.

Saya benar-benar hairan mengapa beberapa pemimpin Umno sanggup melakukan apa saja asalkan mereka berpeluang tinggal di Putrajaya. Kalau saya mereka, sekurang-kurangnya kini saya lebih suka orang hairan kenapa saya tidak jadi PM.

Dr Mahathir pernah menegaskan kegembiraannya sebagai PM ialah melalui kuasa di tangannya yang boleh melakukan sesuatu yang baik bagi bangsa, agama dan watan. Politik adalah kuasa dan kuasa terbaik ialah bak kata Mat Saleh - to be able to do things, yakni kuasa itu membolehkannya membuat sesuatu.

Ada orang mahu menjadi PM semata-mata kerana cita-cita dan kepentingan diri mereka dan puaknya.

Tun Razak nyaris-nyaris terlepas jadi PM kalau tidak tercetus (kerana takdir Allah swt) Tragedi 13 Mei. Peristiwa itu bukan saja mempercepatkannya dinobatkan sebagai PM pada 20 September 1970 (ketika berusia 48 tahun), malah kalau tidak pelbagai perkara boleh berlaku antara tahun 1969 dan pemilihan Sultan Kedah sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Apabila Tun Dr Ismail Abdul Rahman, Timbalan Perdana Menteri Tun Razak pertama kembali ke Rahmatullah, Hussein Onn telah dipilih oleh Tun Razak menggantikan Tun Ismail. Selepas kehilangan Tun Razak secara mengejut di London pada 14 Januari 1976, Hussein pula pada pertengahan Mac telah memilih Dr Mahathir sebagai timbalannya, bukan pilihannya yang pertama atau his first choice. Hussein mahu seorang yang amat tidak popular tetapi telah ditentang oleh majoriti ahli Majlis Tertinggi Umno termasuk saya. Ultimatum (kata dua) dari tiga Naib Presiden Umno - Ghafar Baba, Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah mengubah fikiran Hussein, langsung dia memilih Dr Mahathir. Sebenarnya, ada juga unsur lain yang tidak kurang penting yang membuat Hussein berfikir empat kali sebelum seperti lazimnya berkeras dengan keputusannya tetapi itu cerita lain. Saya akan tulis pada waktu lain.

Pilihan pertama Hussein ialah Tan Sri Ghazali Shafie waktu itu Menteri Dalam Negeri.

Dr Mahathir telah berkata minggu lepas bahawa beliau tidak akan menjadi PM seumur hidup tapi saya terus mempertahankan ramalan saya (dalam satu ucapan di Dewan Rakyat pada tahun 1987) bahawa Dr Mahathir seperti Tun Razak akan menghembuskan nafas terakhirnya dalam jawatan. Semalam, Tengku Razaleigh Hamzah, orang yang hampir menumbangkan Dr Mahathir, 15 tahun lalu tidak mahu Dr Mahathir bersara secara terburu-buru.

Tengku Razaleigh menggesa Dr Mahathir terus kekal memimpin Umno dan negara. Ramai yang berpendapat demikian walaupun mereka mahu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggantikannya seperti Hussein mengambil alih daripada Tun Razak.

Seseorang timbalan dalam apa situasi pun harus cermat menjalankan tugas: Jangan sekali-kali menunjukkan peribadi yang tegas dan meyakinkan, yakni menonjolkan diri sendiri atau bak kata Mat Salleh assertive terutama dalam memberi pendapat yang tidak disenangi ketua apa lagi jika dilakukan dengan nada suara yang tinggi dan bersungguh-sungguh. Tetapi si timbalan pula janganlah menjadi 'yes, PM'. Beri pandangan secara ikhlas. Kalau diterima syukur kalau sebaliknya, si timbalan wajib menyokong bosnya tanpa berbelah bagi, bukan yes di depan tetapi di belakang menghasut dan soseh-soseh. Seorang bos yang berwibawa akan tahu gerak geri dan body language timbalannya.

Maka menyamatarafkan kedudukan mereka adalah satu perkara yang tidak bijak. Di Amerika, pentadbirannya dikuasai mutlak oleh presidennya. Sekarang pemerintahan AS ialah pentadbiran George W Bush, bukan pentadbiran Bush - Cheney (Naib Presiden).

Dalam euporia (keseronokan yang amat sangat) apabila Dr Mahathir memilih Datuk Musa Hitam sebagai timbalan, orang-orang Musa telah (tanpa berfikir panjang implikasinya kerana tidak baca sejarah) memanggil kerajaan Malaysia sebagai pentadbiran bersama 'Dua M!'. Saya ketika itu dalam tahanan ISA dan dibebaskan 13 hari selepas Dr Mahathir mengambil alih jawatan daripada Hussein Onn dan telah memberi tahu ramai tapol (tahanan politik) dan pegawai-pegawai Cawangan Khas, itu satu perkara yang tidak wajar. Saya dengar Dr Mahathir tidak marah; dia tidak terasa apa-apa tetapi singkatan 2M itu memberi ilusi kepada orang lain, bukan orang Dr Mahathir.

Setelah bebas saya tanya Dr Mahathir siapa yang mencetuskan idea 2M ini. Jawabnya secara ringkas - bukan ideanya. Kemudian saya tanya Musa dan dia jawab: Itu direka oleh media!

Musa telah melepaskan jawatannya selepas hampir lima tahun menjadi TPM (18 Julai 1981 hingga 16 Mac 1986) dan diganti oleh Ghafar, seorang TPM yang bersifat interim atau sementara. Saya amat kenal Ghafar kerana zaman Tun Razak dulu, kami intim sebab Tun Razak mahu kami demikian - gandingan pemikiran Melayu berpendidikan Melayu dan Melayu berpendidikan Inggeris. Bagi Tun Razak, Ghafar mencerminkan baik buruk pemimpin yang asasnya berpendidikan Melayu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim yang masuk dan naik seperti kilat ke dalam keluarga Umno dan tanpa tembakan satu das peluru pun telah mengetepikan Ghafar. Selepas itu saya menulis dari New York dalam kolum saya di Utusan Malaysia. Persoalannya: Bukan siapa lagi bakal PM tetapi bila Anwar terima pusaka; lebih kurang itulah. Waktu itu saya sokong Anwar kerana Dr Mahathir sendiripun jelas senang dengannya. Saya juga dapati wajah politik Anwar sudah banyak berubah kerana menyesuaikan diri dengan situasi.

Akhirnya Anwar terkeluar; sebabnya ramai yang sudah tahu seperti yang dilaporkan oleh media. Dia diganti oleh Abdullah. Saya telah menulis mengenai Abdullah dan saya kira dia tetap menggantikan Dr Mahathir sebagai PM apabila tiba waktunya.

Seperti firman Allah SWT dalam Surah Al-Imran, ayat 26, bermaksud: "Allah yang memegang kuasa mutlak. Ia memberi kuasa kepada siapa yang Ia

mahu dan menarik balik kuasa itu apabila Ia mahu."

Di seluruh alam Malaysia, Allah telah menganugerahkan kuasa kepada Dr Mahathir selama 21 tahun. Dan hanya Allah yang menggerakkan hati pengundi menarik balik mandat yang direstui-Nya. Begitulah juga keadaannya di Kelantan dan Terengganu. Saya tidak nampak Dr Mahathir telah melakukan sesuatu kesalahan yang dikutuk Allah, maka saya yakin beliau akan terus memerintah selagi Dr Mahathir sedaya mungkin memartabatkan agama Allah.

Maka bagi Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Datuk Hishamuddin Hussein dan sesiapa saja yang bermimpi sebagai bakal TPM dan PM, pelajarilah sejarah; jangan sampai tidur tak lena, mandi tak basah dan makan tak kenyang - bermimpi bila mahu duduk di Seri Perdana. Kita merancang, tetapi Tuhan yang menentukan. Hafal surah Al-Imran dan baca seribu kali setiap bulan dan 3,000 kali pada bulan Ramadan.

Akhbar BH, BM, Metro dan NST kembali meningkat

SYUKUR Alhamdulillah, jualan akhbar-akhbar Kumpulan NSTP sedang meningkat walaupun perubahan yang dilakukan hanya pada peringkat awal. Harga saham NSTP pula naik menjulang hampir ke paras RM8 berbanding di bawah RM4 pada awal tahun ini. Apa pun dalam kehidupan, tanda kejayaan dan nilai keyakinan orang terhadap sesuatu ialah harga saham, penerbitannya atau komoditi itu, bukan besar kecil pengedarannya. Ikan kembung lebih banyak daripada ikan bawal, ikan bilis lebih banyak daripada udang atau shrimps.

BH minggu lepas telah mencecah 300,000 naskhah sehari dan iklan juga meningkat dengan deras manakala BM hampir 400,000 naskhah. Jika tiada aral dan andainya ekonomi terus berkembang dan negara terus aman, akhir Ogos ini, Kumpulan NSTP akan mulai tegak semula. Sebelum saya ambil alih pada Ogos tahun lepas, Kumpulan NSTP rugi RM180 juta. Jadi sama-sama ikuti akaun untung rugi dan balance sheet pada akhir Ogos ini.

Terima kasih kepada anda semua kerana terus membaca dan melanggan akhbar yang bersejarah, berkualiti, berpengaruh dan berwibawa!
dkl@nstp.com.my

(END)